



# LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
<b>KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA DUA (2) BLOK BANGUNAN EMPAT (4) TINGKAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) TAHUN 2024 DI BLOK A &amp; B, BANDAR SUNGAI EMAS, JALAN EMAS 33, BANTING, SELANGOR</b>  No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/24/31  No. Fail : LPHS.UPA.400-5/7/180	Kontraktor Berdaftar Di <u>Negeri Selangor</u>  Berdaftar dengan CIDB Gred: G2 Kategori: B Pengkhususan: B14 (Kerja-Kerja Cat)  Dan  Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)  Dan  Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM50.00  Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor  (Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak)	Tarikh : Isnin 21 Oktober 2024 Masa : 11.00 Pagi  Tempat : Pejabat Pengurusan, Blok A & B, Bandar Sungai Emas, Banting.  Koordinate: 2.812723947554407, 101.53516076069278  Kehadiran Taklimat adalah <b>Wajib</b>  (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 22 Oktober 2024  sehingga 28 Oktober 2024	<b>29 Oktober 2024 (Selasa)</b>  <b>Jam 12.00 tengah hari</b>

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **11 Oktober 2024 (Jumaat)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016 - 330 1330 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

**Lawatan Tapak** hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut** semasa Lawatan Tapak Sebut Harga. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:**

**Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor**  
**Tingkat 5, Podium Utara**  
**Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**  
**40503 SHAH ALAM**  
**Selangor Darul Ehsan**

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

**Tarikh: 11 Oktober 2024 (Jumaat)**